



# SELAT MELAKA PINTU GERBANG PERADABAN MELAYU

**Kewujudan** Melaka sebagai suatu entiti pemerintahan yang terbilang pada suatu masa dahulu memberikan pengertian sejarah yang begitu bermakna dalam sejarah ketamadunan Melayu. Bahkan, terdapat sarjana dari pelbagai institusi pendidikan tempatan yang menyarankan bahawa pembinaan tamadun bangsa dan negara pada masa ini bermula dengan tradisi Melaka.

Kedudukan Melaka yang strategik, terutamanya bagi laluan pedagang, menjadikan kota ini digelar sebagai *The Venice of the East* oleh pedagang dari seluruh dunia pada ketika itu. Hal ini disebabkan oleh Melaka dijadikan sebagai pelabuhan utama bagi para pedagang yang melalui Selat Melaka, bukan sahaja dari negara Nusantara, bahkan dari negara Eropah, Arab, India, Burma dan China. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan Melaka sebagai pusat pertemuan pelbagai etnik dan budaya, dan pengembangan agama serta bahasa pada zaman keagungannya.

Latar belakang dan kedudukan geografi yang strategik menjadi faktor utama menentukan sejarah alam Melayu dan Selat Melaka, baik dahulu mahupun sekarang. Sehingga kini, Selat Melaka tetap menjadi nadi utama bagi pertumbuhan ekonomi negara Asia, seperti Cina, Jepun dan Korea Selatan, serta negara ASEAN, khususnya Malaysia, Indonesia dan Singapura. Dalam hal ini, kemasyhuran empayar Melaka dan laluan Selat Melaka bukan sahaja terletak pada fungsi pelabuhannya semata-mata, malah berperanan sebagai

pencetus kepada perkembangan bidang keilmuan dan kebudayaan alam Melayu.

Atas dasar itu, satu program pertemuan keilmuan dan kebudayaan bagi mengenang kembali kepentingan Selat Melaka sebagai pusat pembinaan ilmu dan budaya Nusantara telah diadakan baru-baru ini. Program yang dikenali sebagai Pertemuan Selat Melaka 2019 itu telah diadakan pada 21 November 2019 di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perempuan Melayu, Melaka dan Anjung Seni, Permatang Pasir, Melaka. Program yang dianjurkan oleh Lembaga Bahasa Melayu Melaka dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka dan Kelab Deklamator Malaysia itu diadakan sempena sambutan Dekad Bahasa Kebangsaan 2019.

Gagasan untuk menganjurkan Pertemuan Selat Melaka ini tercetus sejak tahun 1980-an dan kali pertama dianjurkan pada tahun 1997. Pada waktu itu, Pertemuan Selat Melaka berjaya menghimpunkan para pemerintah,

ahli ekonomi, budaya dan intelektual di sekitar Kepulauan Melayu, termasuklah Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Penganjuran program itu berjaya mencapai objektif utama, iaitu untuk membina dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama ekonomi, budaya dan ilmu antara negara ASEAN. Melalui program itu juga, Kerajaan Negeri Melaka berjaya mempertemukan setiap golongan dari provinsi yang pernah berhubung dengan Kerajaan Melayu Melaka pada suatu masa dahulu, seperti Aceh, Sumatera Utara, Riau, Jambi dan Kalimantan.

Usaha murni ini semakin berkembang apabila Institut Sejarah dan Patriotisme Malaysia menerbitkan buku yang bertajuk *Pertemuan Selat Melaka* pada tahun 1998. Buku tersebut secara umumnya membincangkan isu sosiobudaya, sosioekonomi, sejarah dan politik di sekitar Selat Melaka. Menurut tokoh akademik dan kebudayaan Melayu, Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar, idea menerbitkan buku itu melalui penganjuran Pertemuan Selat Melaka 2019 bagi memperlihatkan kepentingan Melaka untuk dikenali oleh seantero dunia dengan panggilan Selat Melaka.

"Antara faktor selat tersebut dinamakan Selat Melaka adalah disebabkan oleh Melaka sebagai sebuah negeri yang mempunyai jajahan takluk yang begitu luas di kawasan rumpun Melayu pada abad ke-15. Pada masa itu, Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang mempunyai kestabilan politik dan ekonomi yang kukuh," ujar beliau ketika ditemui baru-baru ini. Beliau, yang juga menyelenggarakan penerbitan buku dan program Pertemuan Selat Melaka ini, menganggap usaha seperti ini dapat mengenang kembali warisan peradaban Melaka yang sangat tinggi nilainya, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Secara umumnya, keunggulan peradaban di sekitar Selat Melaka pada suatu masa dahulu sememangnya tidak dapat dipertikaikan. Bermula dengan kerajaan Srivijaya pada abad ketujuh, seterusnya diikuti oleh kerajaan Majapahit pada abad ke-12, sehinggalah zaman kemuncak keagungannya pada zaman kerajaan Melayu Melaka abad ke-15, Selat Melaka terus menjadi rebutan kuasa Barat, iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris, dengan Melaka menjadi tumpuannya. Menurut Tan Sri Profesor Abdul Latiff, selain kemudahan kedudukan pelabuhan yang strategik, pentadbiran kerajaan Melayu Melaka yang kukuh dan stabil turut menjadikan para pedagang menetap di Melaka sebelum kembali berlayar di lautan.

"Institusi kesultanan di Melaka banyak memainkan peranan dalam sistem pentadbiran negeri itu. Pada masa itu, Melaka bukan sahaja sebagai tempat kapal berlabuh, tetapi juga sebagai tempat penyebaran budaya daripada



Malam Temu Puisi Selat Melaka sempena Pertemuan Selat Melaka 2019.



Datu' Rahman Shaari memberikan tunjuk ajar kepada para peserta Bengkel Menghayati Puisi sempena Pertemuan Selat Melaka 2019.

pedagang. Penyebaran agama Islam oleh pedagang Arab misalnya, menjadikan Islam sebagai panduan hidup oleh pemimpin dan masyarakat di Melaka. Kedatangan Islam ini turut melibatkan seluruh Kepulauan Melayu, sebelum penjajah memecahkan kepulauan tersebut menjadi Malaya, Indonesia dan Singapura," ujar beliau.

Selain aspek agama dan budaya, fungsi bahasa Melayu turut berkembang sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada dasarnya, bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama di Melaka yang digunakan dalam urusan pentadbiran dan perdagangan sehingga menjadi *lingua franca* bagi para pedagang. Setelah Islam mula bertapak di Melaka, bahasa Melayu semakin berkembang dan dijadikan sebagai alat penyebaran agama Islam di seluruh Kepulauan Melayu. Bahasa Melayu juga mendapat bentuk tulisan baharu, iaitu tulisan Jawi.

Menurut Abdul Kadir Ibrahim, seorang tokoh sastra dari Indonesia, Melaka bukan sahaja mewarisi khazanah tradisi kejayaan bangsa Melayu, tetapi juga menjadi pemangkin semangat bangsa Melayu untuk memberikan sumbangan, terutamanya dalam kebudayaan dan ilmu pengetahuan. Dalam hal ini, satu daripada tradisi tersebut ialah penggunaan tulisan Jawi. Bagi beliau, tradisi penggunaan tulisan Jawi seharusnya dipertahankan dan diperluaskan, terutamanya di Melaka.


"Saya merasakan bahawa tradisi yang perlu terus dipelihara di Melaka ialah pendidikan tentang tulisan Jawi. Hal ini disebabkan oleh kitab lama yang mempunyai maklumat tentang kerajaan silam Nusantara, seperti Melaka, Pasai dan lain-lain, semuanya menggunakan huruf Jawi. Melaka harus berperanan sebagai pusat keilmuan dengan mengembangkan ilmu penggunaan tulisan Jawi," ujar beliau yang turut dikenali sebagai Pak Akib.

"Pertemuan Selat Melaka ini seharusnya dijadikan sebagai pemangkin kepada kebangkitan bangsa Melayu kerana Melaka sudah pun menjadi pusat ketamadunan Melayu pada masa lampau. Saya juga merasakan Melaka berupaya muncul sebagai pusat pertemuan bangsa Melayu di Nusantara kerana berkongsi budaya yang sama. Konteks budaya tidak perlu disempitkan oleh batasan geografi negara dan politik kerana budaya merupakan identiti penting bagi sesebuah bangsa," ujar Pak Akib kepada sidang editor *Dewan Budaya*.

Menurut beliau, tonggak kebudayaan Melayu ialah bahasa dan budi pekerti. Jika tonggak tersebut diabaikan, maka bangsa Melayu tidak akan menjadi bangsa yang hebat. Perkara ini dapat dilihat terhadap negara yang mempunyai bangsa yang hebat, seperti Jepun, Korea dan China, yang mempertahankan tradisi mereka. Walaupun generasi muda kini menguasai ilmu teknologi, tetapi jika melupakan jati diri, maka mereka akan menjadi golongan yang terumbang-ambing, seperti buih yang berada di lautan.

"Pihak kerajaan Malaysia perlu memainkan peranan yang penting untuk mempertahankan dan menyemarakkan budaya tempatan. Sebagai contohnya, siri animasi *Upin dan Ipin* dapat dijadikan sebagai agen yang berkesan untuk mempromosikan kebudayaan tempatan kepada masyarakat luar kerana banyak adegan siri animasi tersebut mempunyai ciri kebudayaan tempatan seperti permainan congkak dan sebagainya. Kanak-kanak di Indonesia cukup mengenali dan meminati siri animasi ini. Oleh sebab itu, kita seharusnya bekerjasama dengan golongan muda yang meminati bidang teknologi untuk bersama-sama mempertahankan nilai kebudayaan tempatan," kata Pak Akib.

Pertemuan Selat Melaka 2019 yang diadakan baru-baru ini menganjurkan pelbagai program keilmuan yang berkaitan dengan Selat Melaka. Antara pengisian program tersebut termasuklah Wacana Ilmuwan dan Seniman yang menampilkan beberapa tokoh sejarah dan budaya negara serantau, iaitu Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka,



Abdul Kadir Ibrahim, "Budaya tidak perlu disempitkan oleh batasan geografi dan politik negara".



Tan Sri Profesor Datuk Wira Dr. Abdul Latiff Abu Bakar pernah menyelenggarakan penerbitan buku *Pertemuan Selat Melaka*.

Profesor Datuk Dr. Mohd Jamil Mukmin; Ketua Yayasan Bangun Insani, Indonesia, Mohammad Isa Selamat; Sasterawan Negara, Dr. Siti Zainon Ismail; Pelukis Negara, Ismail Embong; dan tokoh sastra Indonesia, Abdul Kadir Ibrahim. Wacana tersebut telah dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Pengerusi Yayasan Budi Malaysia.

Selain itu, para peserta program tersebut yang terdiri daripada para mahasiswa turut berpeluang menghadiri bengkel seni lukis yang disampaikan oleh Ismail Embong, dan bengkel penciptaan puisi yang disampaikan oleh Dato' Rahman Shaari. Pada sebelah malamnya, Pertemuan Selat Melaka diwarnai dengan penganjuran Malam Temu Puisi Selat Melaka yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah DBP, Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran. 